



SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 37/2020

RUJUKAN : 28 APRIL 2020



BANCIS
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Malaysia telah menempuh pendekatan sekatan pergerakan dan pemberhentian sementara operasi beberapa sektor bukan kritikal yang kini memasuki hari yang ke 42. Kerajaan kekal komited dalam mendepani cabaran kesihatan dan ekonomi dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi memastikan kelangsungan negara dan rakyat dalam menghadapi situasi luar jangka ini. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan melangkah kepada fasa yang keempat bermula 29 April 2020. Umumnya fasa ini akan menentukan kesinambungan keberhasilan langkah kawalan terdahulu terutamanya dari pencapaian memberangsangkan fasa yang ketiga. Menilai rangkuman ringkas **statistik utama mengikut pembahagian fasa** jangkitan pandemik COVID-19, **jumlah kes positif** yang direkodkan pada tempoh **fasa ketiga menurun kepada 864 kes berbanding 2,221 kes pada fasa kedua dan 2093 kes** berdasarkan tempoh 14 hari fasa yang pertama. **Kes aktif** (dalam rawatan) turut **mencatatkan pengurangan 708 kes menjadikan kumulatif kes aktif kepada 1,719 berbanding 2,427 kes semasa berakhirnya fasa yang kedua**. Pada masa yang sama, peningkatan kemajuan harian bagi kes sembah mengukuhkan ruang pengharapan masyarakat berkenaan perkembangan semasa wabak ini. Secara kumulatif **kes sembah merekodkan 2,478 kes mengatasi jumlah kes aktif** dengan perbezaan 51 kes pada 14 April 2020. Ini merupakan rekod pencapaian yang membawa kepada tanda awal proses pemulihan jangkitan wabak di Malaysia. Sepanjang tempoh fasa ketiga, **pertambahan kes sembah harian dilihat melebihi kes jangkitan baharu** (kecuali catatan pada 21 April 2020) dan ini mendorong kepada kemajuan catatan **nisbah kes sembah kepada 68.9 peratus daripada keseluruhan kes, lebih baik berbanding 49.7 peratus** pada hari terakhir fasa kedua. Tindakan pencegahan dan pengesanan awal mengenai kebarangkalian penularan wabak COVID-19 menjadi salah satu elemen utama yang membawa kepada hasil pengawalan yang positif terhadap status jangkitan dalam negara.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 28 April 2020 **kumulatif kes sembah meningkat kepada 4,032 berbanding 1,719 kes yang masih aktif**. Sementara itu, sebanyak **31 kes positif baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **5,851 kes**. **Kawasan Lembah Klang mendominasi** kes positif dengan menyumbang **sebanyak 46.1 peratus**, Zon Selatan (22.0 peratus), Wilayah Malaysia Timur (14.1 peratus), Zon Pantai Timur (9.5 peratus) dan Zon Utara (8.3 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes baharu** adalah menerusi catatan **di W.P Kuala Lumpur** dengan merekodkan **14 kes** disusuli Sarawak (8 kes), Selangor (5 kes) manakala Johor, Negeri Sembilan, Sabah dan W.P Putrajaya masing-masing sebanyak 1 kes. Selain itu, sejumlah **100 kes**

kematian telah dilaporkan sehingga kini dengan pertambahan **1 kematian terbaru** seperti pada Jadual 1.

Statistik pecahan kes kumulatif jangkitan positif **mengikut daerah** menunjukkan **tiada pertambahan** zon merah (41 kes ke atas) menjadikan catatan ini kekal sebanyak **30 daerah**. Namun begitu, sehingga 27 April 2020, hanya **12 daerah** daripada kategori tersebut yang masih mempunyai status **kes aktif dengan kebolehjangkitan** melebihi 41 kes. Antara **daerah atau kawasan** yang merekodkan **catatan kes aktif yang tinggi** adalah **Lembah Pantai dengan 289 kes** dan **Kuching sebanyak 164 kes**. Pada masa yang sama, **sejumlah 77 daerah** dari seluruh negara berada dalam kelompok **zon hijau** atau tanpa kes aktif.

Jumlah keseluruhan jangkitan COVID-19 di seluruh dunia meningkat kepada **3,050,339 kes** dengan melibatkan **211,327 kes kematian**. **Amerika Syarikat mendominasi** bilangan kes positif sebanyak **988,469 kes**, disusuli Sepanyol dengan 229,422 kes dan Itali sebanyak 199,414 kes. Sementara itu, **di peringkat ASEAN Singapura merekodkan** catatan 14,951 kes mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (9,096 kes), Filipina (7,958 kes) termasuk Malaysia (5,851 kes). **Kematian tertinggi** global direkodkan oleh **Amerika Syarikat iaitu 56,253 kes**, diikuti Itali yang mencatatkan 26,977 kes, Sepanyol (23,521 kes) dan Perancis (23,327 kes). Kadar kematian peringkat dunia adalah 6.93 peratus manakala kes sembuh merekodkan 896,271 kes (29.38 peratus) seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

GLOBAL: Kemerosotan AS\$6 trillion ekonomi mungkin terlalu optimis. Menurut Bloomberg Economics, pandemik COVID-19 akan menyebabkan **ekonomi global menyusut -4 peratus pada tahun 2020 dengan pemulihan bermula pada separuh kedua tahun 2020**. Ini berlaku dengan ekonomi mengalami penurunan yang cepat dan kemelesetan yang belum pernah terjadi sebelumnya di mana kebanyakan negara maju menunjukkan prestasi yang paling lemah sejak *the Great Depression*. Pada awal tahun ini, Bloomberg Economics menjangkakan kehilangan output ekonomi lebih dari AS\$6 trillion dengan andaian optimis bahawa wabak dan pemulihan dapat diatasi pembuat dasar yang berusaha untuk mengurangkan impak wabak tersebut. (Bloomberg)

AS: Tiada pemulihan “V-shape” bagi ekonomi tanpa lebih banyak pakej rangsangan. Menurut penasihat tertinggi Rumah Putih Kevin Hassett, ekonomi AS memerlukan satu lagi bil sebagai pakej rangsangan keempat yang dapat mendorong ekonomi untuk segera kembali pulih. Beliau menyatakan, AS mungkin memerlukan fasa rangsangan lain setelah semakin hampir untuk membuka semula ekonomi negara selepas langkah sekatan pergerakan. (Reuters)

AS: Kebanyakan perniagaan berkemungkinan tidak memohon bantuan kerajaan. Survei National Association for Business Economics (NABE) mendapati **sebilangan besar syarikat AS berharap dapat bertahan lebih dari enam bulan tanpa bantuan kerajaan**, walaupun aktiviti ekonomi dan aliran tunai terganggu akibat wabak COVID-19. Tinjauan turut mendapati bahawa satu daripada tiga syarikat dijangka akan kembali beroperasi secara normal dalam lima hingga lapan minggu. Tinjauan ke atas 107 anggota NABE yang terdiri dari syarikat tunggal hingga syarikat besar dengan lebih daripada 1,000 pekerja ini telah dilaksanakan dari 13 April hingga 16 April 2020 yang lepas. (Reuters)

EU: Jualan runcit Denmark menurun pada bulan Mac 2020. Penjualan runcit Denmark menurun untuk pertama kalinya dalam tiga bulan pada bulan Mac 2020. **Jualan runcit turun 2.0 peratus (MoM) pada bulan Mac, setelah kenaikan 0.2 peratus pada bulan Februari 2020.** Penjualan runcit terjejas kerana sekatan COVID-19 yang diperkenalkan pada bulan Mac yang lepas. **Penjualan pakaian sebahagian besarnya merudum akibat COVID-19 manakala jualan dalam talian dan penjualan barang isi rumah dan komputer meningkat.** Penjualan pakaian dan barang-barang lain turun 26.7 peratus pada bulan Mac dan penjualan barang pengguna turun 1.0 peratus. (RTT)

EU: Tuntutan faedah pengangguran Perancis meningkat pada kadar yang tinggi. Pencari pekerjaan Perancis merekodkan kadar peningkatan yang tinggi pada Mac 2020. Ini mencerminkan kemerosotan yang besar di pasaran buruh akibat sekatan pergerakan krisis kesihatan COVID-19. **Bilangan individu yang mendaftar untuk bekerja meningkat sebanyak 246,100, kenaikan tertinggi sejak 1996.** Kementerian Buruh Perancis menyatakan, **tuntutan faedah pengangguran meningkat sebanyak 7.1 peratus.** Agensi tersebut turut menyatakan bahawa jumlah pekerja sementara yang didaftarkan sebagai penganggur naik mendadak pada bulan Mac 2020. Antara program yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengelakkan pemberhentian pekerja secara besar-besaran adalah *furlough program* yang bermanfaat kepada kontrak tetap. (RTT)

CHINA: Keuntungan syarikat industri jatuh 34.9 peratus (YoY) pada Mac 2020. Keuntungan yang diperoleh oleh syarikat perindustrian China pada bulan Mac turun 34.9 peratus dari tahun sebelumnya kepada CNY370.6 bilion (AS\$52.4 bilion). **Penurunan itu merupakan penurunan paling besar semenjak 2010.** Bagi tiga bulan pertama 2020, keuntungan syarikat industri turun 36.7 peratus kepada CNY781.4 bilion. Liabiliti di firma industri meningkat 5.4 peratus pada tahun pada akhir Mac, berbanding kenaikan 5.3 peratus pada akhir Februari. Data keuntungan industri merangkumi syarikat besar yang pendapatan tahunan melebihi CNY20 juta dari operasi utama mereka. Penurunan keuntungan mencerminkan tekanan berterusan terhadap sektor pembuatan China. (Reuters)

HK: Defisit perdagangan mengecil pada bulan Mac 2020. Defisit perdagangan Hong Kong mengecil pada bulan Mac, apabila import menurun pada kadar yang lebih cepat daripada eksport. **Defisit perdagangan turun kepada HKD34.7 bilion pada bulan Mac** dari HKD59.2 bilion pada bulan yang sama tahun lalu. Pada bulan Februari, defisit perdagangan adalah HKD38.5 bilion. **Eksport turun 5.8 peratus (YoY) pada bulan Mac**, setelah kenaikan 4.3 peratus pada bulan sebelumnya. **Import merosot 11.1 peratus** pada bulan Mac, menyusuli penurunan marginal -0.1 peratus pada bulan sebelumnya. Pada asas perbandingan bulan-ke-bulan (MoM), eksport dan import masing-masing meningkat 35.7 peratus dan 29.3 peratus pada bulan Mac 2020. **Untuk tempoh Jan hingga Mac, defisit perdagangan adalah HKD103.8 bilion** berbanding HKD118.7 bilion pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. (RTT)

JEPUN: BOJ meningkatkan rangsangan dan merendahkan unjuran. BOJ memperluas rangsangan monetari pada mesyuarat MPC buat dua kali berturut-turut. Dalam mesyuarat tersebut, **BOJ menghapuskan had untuk pembelian bon kerajaan serta menurunkan unjuran KDNK dan inflasi** dengan mengambil kira situasi semasa COVID-19. MPC BOJ sebulat suara memutuskan untuk meningkatkan jumlah maksimum pembelian tambahan kertas komersial dan bon korporat serta menaikkan had atas pegangan tertunggak kepada sekitar JPY20 trilion. Bank pusat itu menyatakan tinjauan untuk aktiviti ekonomi dan harga sangat tidak jelas. Oleh itu, BOJ menurunkan **unjuran KDNK untuk tahun fiskal 2020 kepada -5 peratus hingga -3 peratus** dari unjuran 0.8 peratus hingga 1.1 peratus sebelumnya. (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

- 1) **Jumlah penumpang AirAsia jatuh 21 peratus** tahun ke tahun kepada **9.9 juta** apabila kapasiti dikurangkan sebanyak **11 peratus pada suku pertama tahun 2020**. faktor muatan telah **mencapai 80 peratus** melalui pengurusan kapasiti proaktif terutamanya pada bulan Februari dan Mac, dengan pemotongan yang paling ketara bagi AirAsia Malaysia dan AirAsia Thailand.
- 2) Malaysia hanya **mengeksport 10,806 tan minyak sawit ke India** pada bulan Mac 2020. Ini telah merekodkan **kejatuhan sebanyak 97 peratus** berbanding tahun sebelumnya dan **merupakan nilai bulanan terendah sejak tahun 2000**.
- 3) Kerajaan bersetuju supaya **sektor ekonomi** yang dibenarkan dan **diluluskan beroperasi pada PKP Tahap 1, 2 dan 3 dibenarkan beroperasi tanpa sekatan masa** mengikut keperluan industri masing-masing **berkuatkuasa 29 April 2020** tanpa perlu memohon kebenaran daripada MITI.
- 4) **Kerajaan Sabah bersetuju** membenarkan **44 jeti persendirian bagi pengendalian sawit dan petroleum** untuk beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ia membabitkan 10 jeti bagi aktiviti pengendalian minyak sawit dengan saluran paip; 32 jeti untuk aktiviti pemunggahan buah tandan segar kelapa sawit serta dua jeti bagi pengendalian petroleum dan gas.
- 5) **Syarikat Esprit Holdings** akan **menutup semua cawangannya di Asia termasuk Malaysia** menjelang 30 Jun 2020 sebagai salah satu inisiatif **penstrukturkan semula syarikat** dalam menangani cabaran perniagaan akibat COVID-19.
- 6) Axiata Group tampil untuk merungkai kemelut peniaga-peniaga kecil dengan **menawarkan dana tunai berjumlah RM150 juta** menerusi Program Bantuan Covid-19 Axiata, yang disokongi oleh platform digital Aspirasi Assist.
- 7) **Status saham Westports Holdings** telah ditukar dari “beli” kepada “pegang” pada nilai **RM3.81** (dari **RM4.31**) disebabkan jangkaan pengendali kontena pelabuhan akan berkurang sebanyak 15% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

- 8) **MRT2 dan LRT3** merupakan antara projek-projek utama yang **dibenarkan memulakan semula kerja pembinaan** pada minggu hadapan termasuk beberapa kerja pembangunan bangunan lain.
- 9) Rangkaian Tindak Balas Bencana syarikat berkaitan **kerajaan (GLC)** dan **syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC)** atau GDRN telah menerima **sumbangan sebanyak RM95.4 juta** bagi menangani impak COVID-19. Daripada jumlah tersebut, **RM79.8 juta telah digunakan untuk membeli bekalan perubatan** sebagai bantuan kepada hospital di bawah Kementerian Kesihatan **manakala RM15.6 juta** telah dibelanjakan untuk **bantuan kemanusiaan** selain daripada perubatan.
- 10) **Kementerian Pengangkutan Malaysia** telah mengarahkan semua **pengendali pelabuhan di seluruh negara** supaya membenarkan mana-mana syarikat yang **telah mendapat kelulusan** daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mengikut polisi Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk **meneruskan aktiviti import dan eksport** mereka, berkuatkuasa 29 April 2020.
- 11) **Industri media tempatan masih berdaya tahan** walaupun turut berdepan dengan cabaran semasa penularan COVID-19. **Kenanga Research turut menyatakan** bahawa langganan dalam talian dan portal untuk pelanggan mendapatkan akses berita **mengalami peningkatan** semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- 12) **Lebih banyak bantuan kewangan** perlu disalurkan kepada **syarikat PKS serta mereka yang bekerja sendiri** dalam menangani kemelesetan disebabkan COVID-19 kerana **71.4 peratus** daripada mereka hanya memiliki simpanan cukup untuk menampung perbelanjaan kurang sebulan.
- 13) **Kumpulan Wang Pencen Kerajaan Norway Global** telah mencatatkan **peningkatan sebanyak 0.12 peratus** dalam pelaburan aset pendapatan tetap Malaysia daripada NOK16.96 bilion setahun sebelum kepada NOK16.98 bilion pada tahun 2019. Kumpulan ini merupakan salah satu **kumpulan wang terbesar di dunia** yang mana mempunyai **1.5 peratus saham** dalam syarikat-syarikat tersenarai di dunia.
- 14) Ahli Dewan Perniagaan Amerika-Malaysia (AMCHAM) **menyatakan komitmen untuk terus melabur di negara ini** dan kekal bersama kerajaan Malaysia dalam menangani Covid-19. Kerjasama tersebut melibatkan kedua-dua perkhidmatan langsung dan sampingan meliputi sektor pembuatan dan perkhidmatan.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama	<p>PKP: JKM telah edar lebih 300,000 bakul makanan untuk manfaat 1.34 juta isi rumah</p> <p>Sebanyak 336,916 bakul makanan telah diagihkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang memberi manfaat kepada 1.34 juta isi rumah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) setakat ini. Jumlah ini tidak termasuk sumbangan badan bukan kerajaan (NGO), swasta, individu dan lain-lain.</p> <p>Antara barang keperluan asas yang diedarkan adalah beras, minyak masak, gula, tepung gandum, susu pekat, garam, mihun, ikan kering atau bilis, kicap, sos cili, sardin, teh atau kopi, biskut, rempah ratus dan cili kering.</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1836424
2.	Berita Harian	<p>Industri media tempatan kekal berdaya tahan</p> <p>Kenanga Research dalam notanya berkata, langganan dalam talian dan portal untuk pelanggan mendapatkan akses berita turut menyaksikan peningkatan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p> <p>Kumpulan Media Prima, yang memiliki penguasaan dalam iklan televisyen, akan berusaha untuk menawarkan penyelesaian bersepadu pada</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/682210/industri-media-tempatan-kekalkan-berdaya-tahan

		<p>masa di mana pengiklan semakin berhati-hati dalam perbelanjaan pemasaran.</p> <p>Strategi pengurangan saiz segmen media percetakan syarikat itu tepat pada masanya memandangkan keadaan semasa.</p>	
--	--	--	--

Penemuan penting & isu:

- Industri media tempatan masih berdaya tahan walaupun turut berdepan dengan cabaran semasa penularan COVID-19. Kenanga Research turut menyatakan bahawa langganan dalam talian dan portal untuk pelanggan mendapatkan akses berita mengalami peningkatan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Maklumbalas Bahagian:

- Perlanjutan tempoh PKP telah meningkatkan langganan dalam talian dan portal yang akan memberi kesan positif kepada subsektor maklumat dan komunikasi serta secara tidak langsung akan mengukuhkan prestasi ekonomi negara. Sumbangan nilai ditambah bagi subsektor perkhidmatan maklumat dan komunikasi kepada KDNK adalah 5.9 peratus pada tahun 2019 berbanding pada tahun 2018 (5.8%) dengan pertumbuhan sebanyak 6.6 peratus.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	Harian Metro	<p>Industri boleh beroperasi kapasiti penuh mulai esok</p> <p>Bagi menangani krisis ekonomi semasa, kerajaan telah bersetuju supaya sektor ekonomi yang dibenarkan beroperasi pada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Tahap 1, 2 dan 3 meningkatkan kapasiti sepenuhnya dan dibenarkan beroperasi tanpa sekatan masa mengikut keperluan industri masing-masing.</p> <p>Kebenaran ini berkuatkuasa mulai 29 April 2020 dan syarikat yang</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/04/572212/industri-boleh-beroperasi-kapasiti-penuh-mulai-esok

		diluluskan untuk beroperasi tidak lagi perlu memohon kepada MITI untuk mendapatkan kebenaran. Syarikat yang dibenarkan juga wajib mematuhi syarat Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan bagi sektor masing-masing.	
2.	Berita Harian	<p>Esprit tutup kedai di seluruh Asia termasuk Malaysia</p> <p>Esprit Holdings akan menutup semua cawangannya di Asia kecuali China, sebahagian daripada usahanya dalam menangani cabaran perniagaan akibat COVID-19.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/682791/esprit-tutup-kedai-di-seluruh-asia-termasuk-malaysia
B. Subsektor Penginapan			
3.	Free Malaysia Today	<p>Hotel besar 5 bintang akan henti operasi hingga akhir tahun</p> <p>Sebuah hotel 5 bintang dengan 500 bilik di Lembah Klang bersedia untuk menghentikan operasi sehingga akhir tahun ini, ketika hotel di seluruh negara terjejas akibat impak COVID-19.</p> <p>Pekerja hotel diminta mengambil cuti tanpa gaji sepanjang penutupan itu dan pengurusan hotel membuat keputusan drastik tersebut akibat kehilangan pendapatan susulan penutupan perniagaan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p>	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/04/28/hotel-besar-5-bintang-akan-henti-operasi-hingga-akhir-tahun/

	C. Subsektor Hartanah		
4.	The Sun Daily	<p>Penang property sector faces huge challenge: Rehda</p> <p>Developers in Penang expect property prices to drop significantly due to the impact of the COVID-19 pandemic and Movement Control Order (MCO).</p> <p>The property market has remained in a stagnant position for the last four years due to a variety of reasons and the pandemic has undermined its ability to regain its position as a strong economic performer for the state.</p>	https://www.thesundaily.my/home/penang-property-sector-faces-huge-challenge-rehda-GE2341855
5.	The Sun Daily	<p>Bashed-up housing market expected to rebound</p> <p>The property market is taking a severe beating during the COVID-19 pandemic, with transactions coming to an abrupt halt due to the Movement Control Order (MCO).</p> <p>Despite this economic onslaught, it is a resilient industry where the more robust players will bounce back.</p>	https://www.thesundaily.my/home/bashed-up-housing-market-expected-to-rebound-ME2341790
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kerajaan bersetuju supaya sektor ekonomi yang dibenarkan dan diluluskan beroperasi pada PKP Tahap 1, 2 dan 3 dibenarkan beroperasi tanpa sekatan masa mengikut keperluan industri masing-masing berkuatkuasa 29 April 2020 tanpa perlu memohon kebenaran daripada MITI. 2. Syarikat Esprit Holdings akan menutup semua cawangannya di Asia termasuk Malaysia menjelang 30 Jun 2020 sebagai salah satu inisiatif penstrukturkan semula syarikat dalam menangani cabaran perniagaan akibat COVID-19. 			

- | |
|--|
| <p>3. Sebuah hotel besar 5 bintang membuat keputusan untuk memberhentikan operasi sehingga akhir tahun akibat kehilangan pendapatan susulan penutupan perniagaan kerana PKP.</p> <p>4. Pemaju perumahan yang terkesan akibat pandemik COVID-19 disarankan sedaya upaya untuk menjual lebih unit dalam inventori mereka sebaik sahaja PKP dihentikan.</p> |
|--|

Maklumbalas Bahagian:

1. Kebenaran beroperasi tanpa sekatan masa terhadap semua industri yang diluluskan beroperasi semasa PKP tahap 1, 2 dan 3 dijangka dapat memberi anjakan kepada pemuliharaan sistem rantai bekalan barang dan perkhidmatan selain membantu kelangsungan perniagaan serta kesejahteraan rakyat.

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star	<p>Council hurdle for E&E companies</p> <p>Some major electrical and electronics (E&E) companies in the country are losing millions as they are unable to operate at full capacity due to conflicting conditions imposed by various local councils.</p> <p>The International Trade and Industry Ministry (MITI) had instructed the factories to get approval from the respective local councils in order to continue operations round the clock.</p> <p>In Johor, at least half of such factories are still unable to operate continuously pending local council approval.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/28/council-hurdle-for-ee-companies
2.	Bernama	Sabah allows operation of 44 private jetties for handling oil palm, petroleum products	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=1836420

		<p>The Sabah state government has allowed the operation of 44 private jetties used for the handling of oil palm and petroleum products during the Movement Control Order (MCO) period, state secretary Datuk Safar Untong said today.</p> <p>The approval he said, was given to 10 private jetties for the operation of oil palm pipelines; 32 private jetties for the unloading of oil palm fresh fruit bunches (FFB) as well as two private jetties for petroleum and gas handling activities.</p>	
3.	The Star	<p>Ports allowed to resume import-export activities from April 29</p> <p>The government has allowed all ports under its jurisdiction to resume import and export activities effective Wednesday (April 29), says Datuk Seri Dr Wee Ka Siong.</p> <p>The Transport Minister said companies granted approval by the Ministry of International Trade and Industry (MITI) would be allowed to operate within the policies of the National Security Council (NSC).</p> <p>He said the decision was in line with the government's decision on Tuesday (April 28) to restart and revive the economic supply chain, and to recover from the Covid-19 pandemic.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/28/ports-allowed-to-resume-import-export-activities-from-april-29

4.	The Edge Markets	<p>Manufacturers welcome MCO relaxation, say non-essential sectors should also be allowed to resume ops</p> <p>Manufacturers are happy that the Malaysian government has decided to allow businesses that were given permission to operate during the Movement Control Order (MCO) period to resume full capacity tomorrow, without any restrictions on operating hours.</p> <p>This, according to the Federation of Malaysian Manufacturers (FMM), shows that the government has been listening to the urgent pleas of the business community since the MCO was extended for the second time.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/manufacturers-wELCOME-MCO-relaxation-say-nonessential-sectors-should-also-be-allowed-resume
----	-------------------------	---	---

Penemuan penting & isu:

1. MITI telah mengarahkan kilang untuk mendapatkan kebenaran daripada majlis tempatan masing-masing untuk meneruskan operasi sepenuhnya. Sekurang-kurangnya separuh kilang E&E di Johor masih tidak dapat beroperasi sepenuhnya sementara menunggu kelulusan majlis tempatan. Di beberapa tempat seperti Pulau Pinang, Kedah, Selangor dan lain-lain, majlis membenarkan kilang-kilang ini terus beroperasi tanpa henti bermula Jumaat lalu sementara menunggu persetujuan. Kebanyakan kilang E&E di Johor, beberapa di antaranya syarikat multinasional besar, terletak di Johor Baru, Muar, Tangkak, Pasir Gudang, Skudai, Iskandar Puteri dan Senai. Jawatankuasa Industri Elektronik Amerika Malaysia (MAEI), Dewan Perniagaan Amerika Malaysia (AMCHAM) berharap majlis tempatan, dengan sokongan Menteri Besar Johor akan membolehkan operasi tanpa gangguan dimulakan semula sementara menunggu persetujuan majlis tempatan.
2. Kerajaan Sabah hari ini bersetuju membenarkan 44 jeti persendirian bagi pengendalian sawit dan petroleum untuk beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kebenaran itu membabitkan 10 jeti bagi aktiviti pengendalian minyak sawit dengan saluran paip; 32 jeti untuk aktiviti pemunggahan buah tandan segar kelapa sawit serta dua jeti bagi pengendalian petroleum dan gas. Kerajaan Sabah turut bersetuju

menbenarkan 33 syarikat kilang baja berlesen di negeri ini meneruskan operasi untuk memenuhi keperluan tempatan sahaja dan bukan bagi tujuan eksport.

3. Kementerian Pengangkutan Malaysia telah mengarahkan semua pengendali pelabuhan di seluruh negara supaya menbenarkan mana-mana syarikat yang telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mengikut polisi Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk meneruskan aktiviti import dan eksport mereka, berkuatkuasa 29 April 2020. Tindakan ini selari dengan keputusan Kerajaan pada 28 April 2020 yang bersetuju supaya sektor-sektor ekonomi dibenarkan beroperasi dan memulihkan sistem rantaian bekalan barang dan perkhidmatan serta kembali bangkit selepas terjejas akibat pandemik COVID-19 sebagaimana cadangan MKN bagi menyelamatkan pekerjaan, mengembalikan pendapatan negara dan memberi keyakinan kepada pelabur.
4. Pengilang gembira apabila kerajaan memutuskan untuk menbenarkan perniagaan yang diberi kebenaran untuk beroperasi dalam tempoh PKP untuk beroperasi semula dengan kapasiti penuh mulai 29 April 2020. FMM juga meminta kerajaan untuk menbenarkan pengeluar produk *non-essential* untuk kembali beroperasi, walaupun hanya dengan kapasiti 50%. Dewan Perniagaan Malaysia Amerika (AMCHAM) mengatakan masih banyak sektor, langsung dan sampingan, yang menyokong sektor pembuatan perlu dibuka untuk menyokong persekitaran ekonomi semasa.

Maklumbalas Bahagian:

1. **Barangan elektrik dan elektronik (E&E)** merupakan produk utama perdagangan Malaysia sejak beberapa dekad yang lalu. Pada **2019**, jumlah dagangan barangan E&E adalah RM618.1 billion iaitu merangkumi 33.7 peratus daripada jumlah dagangan, dengan lebihan sebanyak RM127.2 bilion. Eksport barangan E&E 2019 berjumlah RM372.7 bilion yang mencakupi 37.8 peratus daripada jumlah eksport. Sementara itu, import barangan E&E pada 2019 berjumlah RM245.5 bilion yang menyumbangkan 28.9 peratus daripada jumlah import. Tiga kumpulan barangan utama eksport produk E&E 2019 adalah *Thermionic Valves and Tubes; Photocells* (RM221.7 bilion, 59.5%), *Telecommunications Equipments* (RM30.6 billion, 8.2%) dan *Automatic Data Processing Machines* (RM27.4 billion, 7.3%) yang merujuk kepada komputer, *notebook*, *laptop* dan *tablet*. Tiga kumpulan barangan utama import produk E&E 2019 adalah *Thermionic Valves and Tubes; Photocells* (RM144.9 bilion, 59.0%); *Telecommunications Equipments* (RM24.9 bilion, 10.1%) dan *Electrical Apparatus, Resistor, Printed Circuits; Swithboard & Control Panels* (RM22.3 bilion, 9.1%). Destinasi utama eksport barangan E&E 2019 adalah Singapura (16.2%), diikuti oleh Hong Kong (14.7%), Amerika Syarikat (13.7%), China (13.3%) dan Jepun (5.2%). Sementara itu, sumber utama import barangan E&E adalah China (26.1%), diikuti oleh Taiwan (16.5%),

Singapura (11.8%), Amerika Syarikat (11.1%) dan Jepun (7.8%). Bagi tempoh **Januari – Februari 2020**, jumlah dagangan barang E&E adalah RM96.6 billion. Eksport barang E&E Januari – Februari 2020 berjumlah RM57.5 bilion, jatuh 4.3 peratus berasaskan tahun-ke-tahun. Sementara itu, import barang E&E pada Januari – Februari 2020 berjumlah RM39.0 bilion menurun 0.3 peratus. Bagi tempoh Januari – Februari 2020, Singapura, Amerika Syarikat, Hong Kong, China dan Jepun kekal sebagai destinasi utama eksport barang E&E yang secara keseluruhannya merangkumi 62.3 peratus daripada jumlah eksport barang E&E. Eksport barang E&E ke China, Hong Kong dan Singapura bagi tempoh dua bulan pertama 2020 masing-masing jatuh sebanyak RM1.0 bilion (-14.0%), RM652.4 juta (-7.6%) dan RM500.1 juta (-4.8%), manakala eksport ke Amerika Syarikat dan Jepun merekodkan kenaikan. Sementara itu, China, Taiwan, Amerika Syarikat, Singapura dan Jepun juga kekal sebagai sumber utama import barang E&E bagi tempoh Januari – Februari 2020 yang secara keseluruhannya merangkumi 73.4 peratus daripada jumlah import barang E&E. Import barang E&E dari Singapura dan Taiwan bagi tempoh dua bulan pertama 2020 masing-masing jatuh sebanyak RM771.1 juta (-15.1%) dan RM342.9 juta (-5.1%), manakala import dari China, Amerika Syarikat dan Jepun merekodkan kenaikan.

2. Nilai import **minyak sawit** (HS 1511) pada tahun 2019 ialah RM2.3 bilion. Sumber utama import ialah dari Indonesia yang bernilai RM 2.1 bilion. Bagi tempoh Januari hingga Februari 2020, import minyak sawit merekodkan nilai RM476.2 juta, meningkat RM116.0 juta atau 32.2% berbanding RM360.2 juta pada tahun lalu. Manakala, nilai eksport minyak sawit ialah RM34.5 bilion. Malaysia mengeksport minyak sawit mentah ke India (RM8.0 bilion, 23.2%), China (RM3.6 bilion, 10.6%) dan Pakistan (RM1.9 bilion, 5.5%). Bagi tempoh Januari hingga Februari 2020, eksport minyak sawit bernilai RM5.7 bilion, meningkat RM218.6 juta atau 4.0% berbanding RM5.5 bilion pada tahun lalu.
3. Nilai import **petroleum mentah** (HS 2709) pada tahun 2019 ialah RM26.8 bilion dengan sumber import utama dari negara Arab Saudi (RM9.3 bilion, 34.8%), UAE (RM4.3 bilion, 15.9%) dan Venezuela (RM2.5 bilion, 9.5%). Bagi tempoh Januari-Februari 2020, import petroleum mentah bernilai RM6.0 bilion, peningkatan RM1.7 bilion atau 40.3% berbanding tempoh yang sama pada 2019. Manakala, nilai eksport petroleum mentah pada 2019 bernilai RM29.1 bilion dengan Negara destinasi utama iaitu Australia (RM7.2 bilion, 24.8%), India (RM6.6 bilion, 22.7%) dan Thailand (RM5.8 bilion, 20.0%). Bagi tempoh Januari-Februari 2020, eksport petroleum mentah bernilai RM4.2 bilion, penurunan RM487.2 juta atau 10.4% berbanding tempoh yang sama pada 2019.
4. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak COVID-19.

D.	Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Malaysian Reserve	<p>Major construction projects resume following MITI's greenlight</p> <p>Several construction companies in the country have been allowed to resume their works and projects, but with some restrictions from the government, following the extension of the Movement Control Order (MCO) to May 12.</p>	https://themalaysianreserve.com/2020/04/28/major-construction-projects-resume-following-mitis-greenlight/
2.	The Edge Markets	<p>Petronas refutes NST claims it deactivated 14 rigs, shut down 14 projects</p> <p>Petroliam Nasional Bhd (Petronas) refutes the allegations in news reports published in the New Straits Times (NST) last Friday regarding the deactivation of 14 Petronas oil rigs as reported in its print version, and the shutting down of 14 projects as reported in its electronic version.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/petronas-refutes-nst-claims-it-deactivated-14-rigs-shut-down-14-projects
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> Projek utama yang dibenarkan untuk menyambung semula kerja termasuk MRT2 dan LRT3. Beberapa kerja bangunan juga dibenarkan untuk disambung semula. <i>Petronas would like to clarify that the company has not shut down any of its rigs, offshore Malaysia, other than those concluding their drilling campaigns or are under temporary suspensions due to the current COVID-19 pandemic. As at the date of this release, 18 rigs are in operation within Malaysian waters.</i> 			
<p>Maklumbalas Bahagian</p> <ol style="list-style-type: none"> Bahagian akan terus membuat semakan terhadap projek-projek yang beroperasi sepanjang tempoh PKP. 			

2. Bahagian juga mengambil maklum yang Petronas masih menjalankan operasi telaga minyak dalam waktu PKP.			
E.	Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>AirAsia X catat prestasi kurang memberangsangkan</p> <p>AirAsia X Bhd (AirAsia X) mencatatkan prestasi kurang memberangsangkan pada suku pertama tahun ini, kesan daripada COVID-19. Faktor muatan penumpang (PLF) AirAsia X pada suku pertama tahun ini direkodkan sebanyak 74%, susut sembilan mata peratusan tahun ke tahun. Jumlah penumpang menyusut 25% tahun ke tahun kepada 1,141,713 orang manakala kapasiti tempat duduk setiap kilometer (ASK) turut merosot sebanyak 21% tahun ke tahun kepada 6,874 juta. Pada Februari lalu, AirAsia X Malaysia telah mengurangkan kekerapan penerbangan ke China selepas sekatan perjalanan diperketatkan selain permintaan yang menurun. Ia diteruskan lagi pada bulan April kepada hampir 90% rangkaian syarikat termasuk Australia, Jepun, Korea Selatan dan India.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/682701/airasia-x-catat-prestasi-kurang-memberangsangkan
